

# **PENINGKATAN TINGKAH LAKU POSITIF MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN TERHADAP ENGLISH FOR COMMUNICATION MELALUI KAEDEAH I-PICK**

*Improving The Positive Behavior Of Special Needs Students Towards English For Communication Through The I-PICK Method*

<sup>1</sup>Norizan Saed Ahmad, <sup>2</sup>Norshidah Abu Husin & <sup>3</sup>Fatimah Mustaffa

<sup>1</sup> Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Paya Besar, Kulim, Kedah

<sup>2, 3</sup> Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka

*Corresponding author: fbmpjk@gmail.com*

Received: 14/2/2023 Revised: 11/6/2023 Accepted: 6/7/2023 Published: 10/10/2023

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku positif murid bermasalah pembelajaran (MBP) terhadap matapelajaran English for Communication (EfC) melalui kaedah I-pick. Ilustasi Piktorial (I-PICK) merupakan satu kaedah pengajaran inovatif yang digunakan dalam kajian ini untuk meningkatkan tahap penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid bermasalah pembelajaran (MBP). Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif dan Ujian t-test digunakan untuk mengukuhkan data kajian. Sampel bertujuan digunakan dalam kajian ini. Seramai enam orang MBP kategori slow learner yang mengikuti kelas KSSMPK Tingkatan 1 di SMK Jalan Paya Besar dipilih sebagai responden kajian. Dapatkan kajian menunjukkan tingkah laku positif MBP dalam pelaksanaan pembelajaran berdasarkan I-pick adalah positif dengan ( $min= 4.02$ ,  $S.D.= 0.909$ ). Ini membuktikan kaedah I-pick berjaya meningkatkan tahap minat MBP untuk mempelajari EfC dengan lebih baik. Akhir sekali, dapat disimpulkan bahawa tingkah laku positif yang positif terhadap pembelajaran EfC berdasarkan I-pick berjaya meningkatkan minat dan memperbaiki keupayaan berbahasa Inggeris dalam kalangan MBP. .*

**Kata Kunci:** Perubahan, Tingkah laku positif, Murid Bermasalah Pembelajaran, EfC, I-PICK

## **ABSTRACT**

*This study aims to identify the attitude of students with learning disabilities (MBP) towards learning based on the I-pick method in English for Communication (EfC). Pictorial Illustration (I-PICK) is an innovative teaching method used in this study to improve the level of English vocabulary proficiency of students with special educational needs (MBP). This study uses the quantitative form of the survey method using questionnaires as an instrument of study. The data was analyzed on a descriptive basis and the t-test test was used to strengthen the study data. Samples are intended to be used in this study. A total of six MBP slow learner category who attended the KSSMPK Form 1 class at SMK Jalan Paya Besar were selected as survey respondents. The findings showed that MBP's attitude in the implementation of I-pick-based learning is positive with ( $mean=41.02$ ,  $S.D.= 0.909$ ). This proves that the I-pick method has successfully increased MBP's interest in learning EfC better. Finally, it can be concluded that a positive attitude towards EfC learning based on I-pick managed to increase interest and improve English language ability among MBP.*

**Keywords:** Change, Attitude, Students with learning disabilities, EfC, I-pick

## **PENGENALAN**

Penekanan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua merupakan matlamat utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan tenaga kerja mahir setanding dunia. Malah Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang diperkenalkan pada tahun 2017 turut memberi tumpuan dalam meningkatkan keupayaan MBP untuk menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris menerusi kurikulum *EfC*.

Keupayaan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris memerlukan seseorang untuk menguasai kosa kata dan seterusnya faham kegunaan kosa kata tersebut mengikut konteks. Dalam hal ini, MBP sememangnya menghadapi masalah dalam aspek pemerolehan bahasa. Pemahaman yang lemah terhadap kosa kata Bahasa Inggeris menghalang MBP untuk berkomunikasi dengan baik. Kajian Gorard & Siddiqui (2018) mendapati penguasaan dan pemahaman kosa kata Bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan MBP menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan baik malah mempengaruhi keupayaan untuk berkomunikasi dan mempengaruhi pencapaian mereka dalam akademik.

Menurut Asrifan et al. (2020), tingkah laku positif MBP terhadap matapelajaran Bahasa Inggeris menjadi punca utama kegagalan penguasaan Bahasa Inggeris. Mereka tiada minat langsung untuk belajar dan menguasai Bahasa Inggeris kerana bagi mereka Bahasa Inggeris adalah satu bahasa yang susah, berbelit-belit dan memeningkan kepala. Mereka juga tidak nampak akan kepentingan Bahasa Inggeris yang mengakibatkan mereka tidak ingin belajar Bahasa Inggeris.

Selain itu, *mind-set* dan cara belajar yang salah turut mempengaruhi tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan MBP (Bai et al. 2021). Hal ini kerana MBP tidak didedahkan dengan kaedah atau teknik pdpc penguasaan Bahasa Inggeris yang menarik, mudah dan menyeronokkan mengikut tahap keupayaan mereka (Ramdania et al. 2021). Akibatnya MBP hilang minat dan mereka mengambil langkah mudah untuk mengabaikan bahasa ini selamanya (As-Maskari et al. 2018).

Tiadanya kemahiran menggunakan kamus turut menjadi salah satu punca penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan MBP (Wilson et al. 2018). Penekanan penggunaan kamus semakin hilang dalam kalangan murid sekolah khasnya MBP. Bahkan ada yang tidak tahu apa itu kamus. Keadaan ini menyebabkan MBP memiliki daftar kata yang terhad (O'Connor et al. 2019).

Pengaruh persekitaran juga turut mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan MBP (Maruf et al. 2020). Suasana persekitaran yang kurang menyokong pembelajaran Bahasa Inggeris menyebabkan MBP sukar menguasai Bahasa Inggeris. Menurut Maruf et al. (2020), taraf pendidikan ibu bapa dan tiadanya penekanan kepentingan belajar Bahasa Inggeris dari ahli keluarga turut menyebabkan MBP tidak dapat menguasai kemahiran asas berbahasa Inggeris.

Kurangnya atau tiadanya penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian turut menyebabkan MBP sukar untuk menguasai Bahasa Inggeris (Vaughn et al. 2019). Maka, stigma “belajar tetapi tidak guna” Bahasa Inggeris perlu dikikis dari minda MBP agar mereka dapat menguasai asas bahasa Inggeris dengan baik.

Selain itu, Smith (2012) mendapati elemen motivasi merupakan faktor yang sangat penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan dalam pembelajaran bahasa kedua. Menurut Xuan et al. (2018), motivasi secara tidak langsung mempengaruhi minat dan kecenderungan seseorang murid untuk menguasai strategi pembelajaran. Di samping itu, motivasi akan menjadi kuasa pembelajaran, penetapan matlamat dan kegigihan dalam pembelajaran (Rahardjo & Pertiwi 2020).

Kajian McCormick dan James (1989) pula telah mengenal pasti beberapa keperluan utama yang dapat membantu membina motivasi pelajar dalam Bahasa Inggeris iaitu:-

- a. keperluan rangsangan persekitaran, idea, fikiran dan perasaan dari orang lain;
- b. keperluan pengetahuan untuk pencapaian;

- c. keperluan memproses dan menginternalisasi hasil penerokaan, manipulasi, aktiviti, dan rangsangan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah dan sistem pengetahuan;
- d. keperluan peningkatan intruksional piktorial untuk diri dikenali dan diterima orang lain.

Konklusinya dapat disimpulkan bahawa penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris MBP berkait rapat dengan esteem kendiri. Oleh yang demikian, elemen motivasi dijadikan agen penggerak agar MBP mampu membuat perubahan dari aspek mentaliti bagi meningkatkan penguasaan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sepanjang pengalaman saya mengajar MBP, saya dapati MBP menghadapi masalah untuk menguasai kosa kata Bahasa Inggeris berikutan mereka tidak faham dan tidak tahu menggunakan kamus untuk mencari makna perkataan. Malah tiadanya minat untuk menguasai komunikasi mudah dalam Bahasa Inggeris dan “*mind-set*” subjek Bahasa Inggeris adalah susah juga menjadi salah satu sebab mengapa MBP ini sering gagal dalam peperiksaan. Keadaan ini semakin lama menjadi teruk apabila tiada pengukuhan pengajaran di rumah dengan bimbingan ibu bapa.

Lebih membimbangkan, apabila Pengajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dilaksanakan pada tahun 2017. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (*English for Communication*) ini memerlukan murid bermasalah pembelajaran ini menguasai kemahiran asas berkomunikasi. Kurikulum ini bukan sahaja menjadi beban kepada murid ini malah menjadi satu cabaran kepada saya untuk mencari satu kaedah yang dapat membantu mereka menguasai Bahasa Inggeris secara mudah tanpa tekanan.

Malah semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan, MBP tidak dapat memberi jawapan secara lisan mahupun bertulis untuk kosa kata Bahasa Inggeris yang mudah. Lebih membimbangkan apabila MBP yang mengikuti KSSMPK Tingkatan 1 ini tidak dapat memahami serta menjawab soalan mudah dalam Bahasa Inggeris. Mereka menganggap Bahasa Inggeris sesuatu yang sukar dan menyusahkan. Mereka hanya menjawab soalan berbentuk ilustrasi atau piktorial. Kekangan ini mendorong saya mencari satu kaedah pengajaran alternatif yang berlandaskan minat murid pada ilustrasi atau gambar untuk menarik minat mereka kepada subjek Bahasa Inggeris.

Oleh itu, saya menjalankan intervensi modul yang diberi nama “*I-pick*” bagi MBP yang mengalami kesukaran untuk menguasai kosa kata Bahasa Inggeris. Pendekatan “*I-pick*” diaplikasikan untuk menarik minat dan seterusnya membantu MBP dalam menguasai kosa kata Bahasa Inggeris dengan mudah dan menyeronokkan secara tidak langsung. “*I- pick*” adalah modul berdasarkan gambar yang membantu MBP menguasai konten PdPc dengan mudah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perubahan tingkah laku positif MBP (kefungsian sederhana) terhadap matapelajaran *English for Communication (EFC)* Tingkatan 1 selepas penggunaan kaedah *I-pick*.

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. mengenal pasti perubahan tingkah laku positif MBP yang mengikuti kaedah pembelajaran “*I-pick*” berdasarkan jantina.
- ii. mengenal pasti perubahan tingkah laku positif MBP yang mengikuti kaedah pembelajaran “*I-pick*” berdasarkan kaum.
- iii. mengenal pasti perubahan tingkah laku positif MBP yang mengikuti kaedah pembelajaran “*I-pick*” berdasarkan peruntukan masa belajar Bahasa Inggeris di rumah.



## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC menggunakan I-pick* berdasarkan jantina?
2. Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC menggunakan I-pick* berdasarkan kaum?
3. Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC menggunakan I-pick* berdasarkan masa mengulangkaji di rumah?

## **HIPOTESIS KAJIAN**

$H_{01}$  - Tidak terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *I-pick* berdasarkan jantina

$H_{02}$  - Tidak terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *I-pick* berdasarkan kaum.

$H_{03}$  - Tidak terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *I-pick* berdasarkan masa mengulangkaji Bahasa Inggeris di rumah.


## **METODOLOGI**

Kajian ini ialah kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen kajian soal selidik. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang mencari satu jalan penyelesaian bagi masalah pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas MBP. Sampel bertujuan digunakan dalam kajian ini kerana MBP yang mengikuti KSSMPK sahaja dipilih menjadi sampel kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada enam orang MBP yang mengikuti *English for Communication* KSSMPK Tingkatan 1 di SMK Jalan Paya Besar. Sampel terdiri daripada kategori murid bermasalah pembelajaran yang dapat menerima pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan guru dalam bilik darjah secara tertib dan berfokus.

Pengkaji menguji keberkesanan “*I-pick*” setiap kali kelas *English for Communication* dijalankan. Konsep 4C (*creativity, critical thinking, collaboration and communication*) diaplikasikan dalam kaedah pengajaran *English for Communication* agar kaedah kajian ini memenuhi kriteria pembelajaran Abad-21. Rajah 1 menunjukkan model 4C yang diterapkan dalam kajian ini.

## Rajah 1

Model 4C



Tempoh pemerhatian adalah selama sejam setiap seminggu dan dijalankan selama 3 bulan. Kajian tindakan ini dijalankan dari 15 Mac 2022 hingga 15 Jun 2022. Kajian ini juga melibatkan kerjasama ibu bapa, guru-guru kelas serta MBP yang berkeupayaan tinggi untuk membimbing MBP (kefungsian sederhana) dalam menguasai kosa kata dan komunikasi yang mudah dalam Bahasa Inggeris. Aktiviti pengukuran dirancang agar kaedah yang diaplikasikan dapat membantu MBP berkeupayaan sederhana ini menguasai kosa kata Bahasa Inggeris dengan baik tanpa masalah dan dapat membantu mereka memahami komunikasi mudah dalam Bahasa Inggeris.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan beberapa hasil dapatan kajian berkaitan dengan demografi responden, tahap tingkah laku positif dan minat MBP terhadap pembelajaran berdasarkan kaedah "*I-pick*" yang dilaksanakan semasa kelas *English for Communication*. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan inferensi serta dilaporkan menggunakan min dan sisihan piawai (SP). Jadual 1 menunjukkan nilai interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini.

### Jadual 1

Skala Interpretasi Skor Purata Min Tingkah laku positif MBP

Julat Skor Min	Tahap
1.00 - 2.34	Rendah
2.35 - 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nur Adibah Abdullah et al. 2020

## Jadual 2

Taburan Responden Berdasarkan Jantina, Kaum dan Peruntukan Masa Belajar Bahasa Inggeris di Rumah

	<b>Demografi Responden</b>	<b>Bilangan (n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	2	33.3
	Perempuan	4	66.7
Kaum	Melayu	4	66.7
	India	2	33.3
Peruntukan Masa Ulang Kaji di Rumah	Kurang dari 1 jam seminggu	3	50.0
	1-3 jam seminggu	2	33.3
	Lebih 3 jam seminggu	1	16.7

Jadual 2 membincangkan maklumat demografi responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan responden perempuan adalah lebih tinggi iaitu 66.7% (n=4) berbanding responden lelaki hanya 33.3% (n=2) sahaja. Dapatan ini juga menunjukkan bilangan sampel hanya terdiri daripada kaum Melayu 66.7% (n=4) dan India 33.3% (n=2) sahaja. Selain itu, peruntukan masa belajar Bahasa Inggeris dirumah kurang dari 1 jam seminggu menunjukkan peratus yang tinggi 50.0% (n=3), berbanding peruntukan belajar Bahasa Inggeris 1-3 jam seminggu 33.3% (n=2) dan lebih 3 jam seminggu 16.7% (n=1).

## Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap Matapelajaran *English For Communication* Dengan Penggunaan Kaedah *I-Pick*

### Jadual 3

Tahap Tingkah laku positif MBP Terhadap Kaedah *I-pick*

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>S.P.</b>	<b>Interpretasi</b>
Saya suka belajar Bahasa Inggeris.	4.18	0.806	Tinggi
Saya suka belajar Bahasa Inggeris.	4.14	0.767	Tinggi
Belajar Bahasa Inggeris adalah penting.	4.13	0.800	Tinggi
Saya sangat fokus pada Bahasa Inggeris semasa guru mengajar.	4.11	0.773	Tinggi
Saya memerlukan bahasa Inggeris dalam pekerjaan masa depan.	4.00	0.899	Tinggi
Saya meluangkan sebanyak mungkin masa untuk belajar Bahasa Inggeris.	4.20	0.830	Tinggi
Belajar Bahasa Inggeris adalah bermanfaat.	4.21	0.819	Tinggi
Saya akan menggunakan Bahasa Inggeris pada masa hadapan.	4.21	0.751	Tinggi
Bahasa Inggeris penting untuk dipelajari kerana bahasa antarabangsa.	4.21	0.760	Tinggi
Saya rasa bahasa Inggeris perlu untuk berkomunikasi dengan orang.	4.24	0.814	Tinggi
Saya rasa belajar Bahasa Inggeris menarik.	4.28	0.825	Tinggi
Saya rasa belajar Bahasa Inggeris menyeronokkan.	4.29	0.803	Tinggi
Saya tahu cara untuk belajar Bahasa Inggeris dengan baik.	4.38	0.804	Tinggi
Saya faham perkataan mudah dalam Bahasa Inggeris.	4.38	0.820	Tinggi
Saya mahir menggunakan Bahasa Inggeris.	2.01	1.371	Rendah
Saya rasa pengetahuan Bahasa Inggeris saya meningkat setiap hari.	2.66	1.272	Sederhana
Saya rasa gembira apabila boleh bercakap dalam Bahasa Inggeris.	4.16	0.949	Tinggi
Saya selalu berlatih untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris.	2.01	1.371	Rendah
Saya percaya saya boleh belajar Bahasa Inggeris dengan baik.	4.31	0.863	Tinggi

Saya berani bercakap dalam Bahasa Inggeris.	2.66	1.272	Sederhana
Saya bersungguh siapkan kerja sekolah Bahasa Inggeris.	4.76	0.867	Tinggi
Saya selalu bertanya dengan guru semasa kelas Bahasa Inggeris.	4.75	0.832	Tinggi
Saya belajar Bahasa Inggeris dengan rakan saya yang mahir.	4.80	0.814	Tinggi
Saya berusaha untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris.	4.77	0.829	Sederhana
Saya suka belajar Bahasa Inggeris dengan kaedah I-pick	4.51	1.023	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.02</b>	<b>0.909</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 secara keseluruhannya menunjukkan tingkah laku positif MBP yang tinggi (min=4.02) terhadap pembelajaran *English for Communication* berdasarkan kaedah *I-pick*. Peningkatan pengetahuan Bahasa Inggeris (min=2.66), keberanian untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris (min=2.01) dan usaha untuk bercakap Bahasa Inggeris (min=2.66) masing-masing masih dalam tahap sederhana selepas kaedah *I-pick* diaplikasikan dalam pdpc. Manakala MBP menunjukkan tingkah laku positif yang rendah untuk kemahiran menggunakan Bahasa Inggeris dan latihan bercakap dalam Bahasa Inggeris (min=2.01). Kajian Ujunwa et al. (2019) menyokong dapatan kajian ini bahawa kaedah pengajaran yang menarik dapat meningkatkan keupayaan murid untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Malah tingkah laku positif yang positif terhadap matapelajaran Bahasa Inggeris turut dipengaruhi oleh minat dan kesungguhan MBP untuk menguasai subjek ini (Omar Al Noursi, 2013).

#### **H<sub>0</sub> 1: Tidak Terdapat Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap EFC Selepas Menggunakan I-Pick Berdasarkan Jantina**

##### **Jadual 4**

*Ujian-T – Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap EFC Selepas Menggunakan I-Pick Berdasarkan Jantina*

Jantina	Bilangan (n)	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Signifikan
Lelaki	2	4.07	0.809	-1.239	0.217
Perempuan	4	4.20	0.484		

Signifikan pada aras 0.05

Berdasarkan Jadual 4, didapati nilai-t bagi perbezaan tingkah laku positif MBP lelaki dan perempuan terhadap EFC selepas menggunakan *I-pick* ialah  $t=0.801$  dan tahap signifikan  $p=0.423$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $0.05(p>0.05)$ . Oleh itu, hipotesis nul ( $H_0$ ) gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap EFC selepas menggunakan *I-pick* berdasarkan jantina. Skor min perubahan tingkah laku positif MBP lelaki (min=4.07) adalah lebih kecil daripada MBP perempuan (min=4.20). Dapatan kajian ini merumuskan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tingkah laku positif MBP terhadap EFC selepas menggunakan kaedah *I-pick*.

#### **H<sub>0</sub> 2: Tidak Terdapat Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap EFC Selepas Menggunakan I-Pick Berdasarkan Kaum**

##### **Jadual 5**

*Ujian-T – Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap EFC Selepas Menggunakan I-Pick Berdasarkan Kaum*

Kaum	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Signifikan
Melayu	4	77.81	7.22	-2.419	0.039

India	2	87.24	5.88	
Signifikan pada aras 0.05				

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan perbezaan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* selepas menggunakan *I-pick* berdasarkan kaum (Melayu & India) dengan nilai  $t = -2.419$  dan  $\text{sig.} = 0.039$  ( $p < 0.05$ ). Dapatkan kajian ini merumuskan bahawa terdapat perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* selepas menggunakan *I-pick* mengikut kaum. Oleh yang demikian,  $H_{02}$  berjaya ditolak. Kajian Pyae & Scifleet (2018) mengukuhkan dapatan kajian ini bahawa budaya kaum yang mempraktikkan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mempengaruhi perubahan tingkah laku positif terhadap penguasaan Bahasa Inggeris berbanding dengan kaum yang tidak mempraktikkannya.

**$H_0$  3: Tidak Terdapat Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP Terhadap *EFC* Selepas Menggunakan *I-Pick* Berdasarkan Masa Ulang Kaji Di Rumah.**

**Jadual 6**

Anova Satu Hala - Perbezaan Perubahan Tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* Menggunakan *I-Pick* Berdasarkan Masa Ulang Kaji di Rumah

		Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig
Masa Ulangkaji	Antara kumpulan	50.443	2	25.222	63.27	0.000
	Dalam kumpulan	46.641	117	0.399		
	Jumlah	97.084	119			

Signifikan pada aras 0.05

Akhir sekali, Jadual 6 menunjukkan perbezaan yang signifikan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* selepas menggunakan *I-pick* berdasarkan masa ulang kaji di rumah dengan nilai F masa ulangkaji = 63.27 dan  $\text{sig.} = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Dapatkan kajian ini merumuskan perubahan tingkah laku positif MBP berdasarkan 3 julat masa ulangkaji di rumah (kurang 1 jam, 1-3 jam, lebih 3 jam) adalah berbeza sama sekali. Oleh yang demikian,  $H_{03}$  adalah ditolak kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara masa ulangkaji di rumah dengan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* selepas menggunakan *I-pick*. Dapatkan kajian Fisher et al. (2015) menyokong dapatan kajian ini bahawa masa ulangkaji di rumah mempengaruhi kejayaan pdpc di sekolah. Hal ini berikutan, peneguhan pembelajaran yang dipantau oleh ibu bapa di rumah membantu MBP menguasai intipati pelajaran dengan baik (Saghir Ahmad et al. 2020).

### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Dapatkan kajian menunjukkan MBP yang mengikuti pembelajaran *EfC* melalui kaedah *I-pick* memperkenalkan perubahan tingkah laku positif atau tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Perubahan tingkah laku positif murid terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris berkait rapat dengan kaedah pengacaraan dan pemudahcaraan yang digunakan oleh guru di dalam kelas. Kaedah yang mudah dan menarik mempengaruhi minat murid terhadap Bahasa Inggeris. Kajian Zulfikar et al. (2019) mendapati perubahan tingkah laku positif murid terhadap Bahasa Inggeris dipengaruhi oleh empat faktor utama iaitu (1) minat murid untuk belajar Bahasa Inggeris; (2) emosi atau perasaan murid semasa mengikuti pembelajaran Bahasa Inggeris; (3) keutamaan yang diberi murid semasa pembelajaran Bahasa Inggeris dan (4) keseronokan murid semasa pembelajaran Bahasa Inggeris.

Perbincangan seterusnya dapatan kajian ini merujuk kepada persoalan kajian,

- i) Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *i-pick* berdasarkan jantina.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* selepas menggunakan kaedah *I-pick*. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ladas et al. (2015) mendapati tiada perubahan tingkah laku positif antara MBP lelaki dan perempuan dalam penguasaan Bahasa Inggeris berikutan mereka mengalami gangguan dari aspek pemerolehan bahasa sejak lahir. Dalam hal ini, faktor biologi (kadar kematangan yang berbeza), neuropsikologi (perbezaan strategi kognitif dalam menyelesaikan tugas), dan faktor budaya yang berbeza (hubungan sosial ibu bapa dengan anak lelaki dan perempuan) didapati mempengaruhi pemerolehan bahasa dalam kalangan MBP (Rinali et al. 2022). Namun begitu dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian, kajian lepas banyak membuat perbandingan untuk melihat perbezaan perubahan tingkah laku positif murid lelaki dan perempuan terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris (Paradewari & Mbato 2018; As Sabiq et al. 2021; Pirmoradian & Chalak 2022). Perkembangan mental dan fizikal yang berbeza antara lelaki dan perempuan memberikan kesan kepada penguasaan Bahasa Inggeris bagi kedua-dua kumpulan jantina ini. Dalam isu ini, kajian Jim Yee Him Chan (2018) membuktikan bahawa murid perempuan lebih cenderung untuk belajar belajar Bahasa Inggeris dan mempraktikkan pembelajaran berbanding murid lelaki kerana mereka lebih yakin untuk menggunakan bahasa dan kosa kata Bahasa Inggeris dengan baik tanpa malu.

- ii) Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *i-pick* berdasarkan kaum.

Dapatkan kajian menunjukkan faktor kaum juga mempengaruhi perubahan tingkah laku positif MBP terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Flores & Rosa, (2019) mendapati latarbelakang keluarga yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku positif murid terhadap Bahasa Inggeris walaupun mereka bukan penutur asli. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai rutin harian dalam kehidupan sehari-hari menjadikan murid ini lebih yakin dan berani untuk bercakap mahupun berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Seterusnya kajian Haida Umiera Hashim & Melor Md Yunus (2018) membuktikan bahawa rutin harian penggunaan Bahasa Inggeris dan kaedah pdpc di sekolah saling berkaitrapat dalam membentuk tingkah laku positif murid terhadap penguasaan Bahasa Inggeris.

- iii) Adakah terdapat perbezaan perubahan tingkah laku positif MBP terhadap *EFC* menggunakan *i-pick* berdasarkan masa mengulangkaji Bahasa Inggeris di rumah.

Dapatkan kajian menunjukkan masa ulangkaji di rumah mempengaruhi perubahan tingkah laku positif MBP terhadap penguasaan Bahasa Inggeris. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Fisher et al. (2015) menjelaskan bahawa masa ulangkaji di rumah mempengaruhi kejayaan pdpc di sekolah. Saghir Ahmad et al. (2020) menyatakan masa ulangkaji yang dipantau oleh ibu bapa di rumah membantu MBP menguasai intipati pelajaran Bahasa Inggeris dengan baik. Seterusnya peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan MBP mengulangkaji pelajaran yang disampaikan oleh guru di rumah untuk membentuk tingkah laku positif, minat dan motivasi murid yang positif terhadap Bahasa Inggeris. Peruntukan masa yang diberikan untuk belajar Bahasa Inggeris mempengaruhi pencapaian dan kebolehan memahami dan menguasai Bahasa dengan baik dalam kalangan MBP. Kajian Sumanti, C.T. dan Muljani, R. (2021) membuktikan komitmen yang ditunjukkan ibu bapa di rumah dapat membantu murid menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Keadaan ini turut membantu meningkatkan efikasi kendiri murid melalui Zon Perkembangan Proksimal (ZPD).

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, MBP menunjukkan tingkah laku positif terhadap matapelajaran *English For Communication* dengan penggunaan kaedah *I-pick*. Kaedah *I-pick* ini berjaya membantu MBP berkefungsian

sederhana menguasai proses pembelajaran Bahasa Inggeris dengan lebih baik. Selain itu, hasil kajian mendapati faktor latarbelakang kaum dan tempoh masa mengulangkaji di rumah mempengaruhi tingkah laku positif MBP terhadap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Justeru, disimpulkan bahawa pendekatan *I-pick* berjaya membentuk tingkah laku positif MBP terhadap matapelajaran *English for Communication*.

## Penghargaan

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pendidikan Khas memberi kebenaran kajian ini dilaksanakan di sekolah.

## Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

## RUJUKAN

- Abdul Kader, Wan Mohd Noor, & Wan Shakiah. (2015). Students' awareness of the importance of English language proficiency with regard to future employment. *World Review of Business Research*, 5(3), 259-272.
- As-Maskari T.S., Melville, M.A., & Willis, D.S. (2018). Systematic review: cultural adaptation and feasibility of screening for autism in non-English speaking countries. *International Journal of Mental Health System*, 12(22), 1-19.
- As Sabiq, A.H., Arwi, S.H., Khusna, A., Adifia, D.U.S., & Nada, D.Z.Q. (2021). Investigating gender differences on the students' attitudes and motivation toward English learning. *ENGLISH FRANCA*, 5(2), 235-257.
- Bai, B., Wang, J., & Nie, Y. (2021). Self-efficacy, task values and growth mindset: what has the most predictive power for primary school students' self-regulated learning in English writing and writing competence in an Asian Confucian cultural context? *Cambridge Journal of Education*, 65-84.
- Asrifan, A., Zita, C.T., Vargheese, K.J., Syamsu, T., & Muhammad Amir. (2020). The effects of call (computer assisted language learning) toward the students' English achievement and attitude. *Journal of Advanced English Studies*, 3(2), 94-106.
- Farideg Bavi. (2018). The effect of using fun activities on learning vocabulary at the elementary level. *Journal of Teaching & Research*, 9(3), 629-239.
- Fisher, C., Berliner, D., Filby, N., Marliave, R., Cahen, L., & Dishaw, M. (2015). Teaching behaviours, academic learning time and student achievement: an overview. *Journal of Classroom Interaction*, 50(1), 6-24. *The Modern Language Journal*, 103, 145-151.
- Gorard, S., & Nadia Siddiqui. (2018). Grammar schools in England: a new analysis of social segregation and academic outcomes. *British Journal of Sociology of Education*, 39(7), 909-924.
- Haida Umiera Hashim, & Melor Md Yunus. (2018). English as a second language (esl) learning: setting the right environment for second language acquisition. *Jurnal Keguruan dan Ilmu Tarbiyah*, 3(2), 207-215.

- Jim Yee Him Chan. (2018). Gender and attitudes towards English varieties: Implications for teaching english as a global language. *International Journal of Educational Technology and Applied Linguistics*, 76, 62-79.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Ladas, A. I., Carroll, D. J., & Vivas, A. B. (2015). Attentional processes in low-socioeconomic status bilingual children: are they modulated by the amount of bilingual experience? *Child Development*, 18, 1-22.
- Maruf, Z., Rahmawati, A.S., Siswantara, E., & Murwantono, D. (2020). Long walk to quality improvement: investigating factors causing low English proficiency among Indonesian EFL students. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 9(3), 7260-7265.
- Omar Al Noursi. (2013). Attitude towards learning English: The case of the UAE technological high school. *Educational Research*, 4(1), 21-30.
- Paradewari, D.S., & Mbato, C.L. (2018). Language attitudes of Indonesians as EFL learners, gender, and socio-economic status. *Language and Language Teaching Journal*, 21(1), 114-123.
- Pirmoradian, N., & Chalak, A. (2022). Iranian students' attitudes towards English loanwords in Persian with a focus on gender differences. *International Journal of Language and Translation Research*, 22(1), 23-38.
- Pyae, A., & Scifleet, P. (2018). Investigating differences between native English and non-native English speakers in interacting with a voice user interface: a case of google home. *Proceedings of the 30th Australian Conference on Computer-Human Interaction*, 548-553.
- Rahardjo, A., & Pertiwi, S. (2020). Learning motivation and students' achievement in learning English: A case study at secondary school students in the Covid-19 pandemic situation. *Journal of English Language Teaching and Literature*, 1(2), 56-64.
- Ramdania, D. R., Mohamad Irfan, Habsah, S. N., Slamet, C., Uriawan, W., & Kaerul Manaf. (2020). Fisher-Yates and fuzzy Sugeno in game for children with special needs. *TELKOMNIKA*, 18(2), 879-889.
- Rinaldi, P., Pasqualetti, P., Volterra, V., & Caselli, M.S. (2021). Gender differences in early stages of language development. Some evidence and possible explanations. *Journal of Neuroscience Research*, 1-11.
- Saghir Ahmad, Ayesha Batool, & Abid Hussain. (2019). Path relationship of time management and academic achievement of students in distance learning institutions. *Pakistan Journal of Distance and Online Learning*, 5(2): 191-208.
- Smith, R. C. (2012). Situational language teaching. *ELT Journal*, 2(4), 71-79.
- Sumanti, C.T., & Muljani, R. (2021). Parents' involvement and its effects on English young learners' self-efficacy. *A Journal of Culture, English Language Teaching, Literature and Linguistics*, 8(1), 78-89.
- Ujunwa, C.J., Vero, M., & Chukwuemeka, O. A. (2019). Appraisal of competency improvement needs of English language educators in teaching reading and writing skills with multimedia aids. *Research on Humanities and Social Sciences*, 9(18), 35-39.

- Vaughn Martinez, S., Leticia, R., Williams, Kelly, J., Miciak, Jeremy Fall, Anna-Mária, Roberts & Greg. (2019). Efficacy of a high school extensive reading intervention for English learners with reading difficulties. *Journal of Educational Psychology, 111*(3), 373-386.
- Xuan, L.Y., Razali, A.B. & Abd Samad, A. (2018). Self-directed learning readiness among foundation students from high and low proficiency levels to learn English language. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 15*(2), 55-81.
- Zulfikar, T., Dahliana, S. & Sari, R.A. (2019). An exploration of English students' attitude towards English learning. *English Language Teaching Educational Journal (ELTEJ), 2*(1), 1-12.